

Kesediaan AS, Iran berdialog legakan dunia

CYBERJAYA: Malaysia menyambut baik kesediaan Amerika Syarikat (AS) berdialog dengan Iran berhubung isu nuklear, sekali gus membuktikan perubahan sikap negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kesediaan AS berunding membuktikan kekerasan tidak lagi menjadi kaedah utama menyelesaikan isu.

"Kenyataan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Condoleeza Rice berhubung keinginan AS berdialog amat dialu-alukan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan blok sayap timur Pusat Servis Teknologi Maklumat (IT) DHL (ITSC Cyberjaya) di sini semalam.

Akhbar semalam melaporkan, Rice antara lain menyuarakan kesediaan negara itu menyertai EU3 - Perancis, Jerman dan Britain berunding dengan Iran.

Perdana Menteri juga berkata, kesediaan AS berunding dengan Iran melegakan dunia dan Iran diharap dapat menerimanya.

"Kalau ada syarat berkaitan dengannya, terserah kepada Iran dan AS untuk menanganinya," katanya sambil menambah yang penting ialah AS dan Iran sedia berunding.

Abdullah berkata, perkembangan itu dianggap baik jika mengambil kira sejarah hubungan AS dan Iran.

Dalam isu berasingan, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, lesen penerbitan majalah berunsur negatif seperti Playboy versi Malaysia tidak sepatutnya dikeluarkan.

"Jika ada pihak tertentu yang menggunakan lesen untuk penerbitan seperti itu, kita perlu menarik balik lesen mereka.

"(Tapi) saya tak fikir kita patut beri lesen kepada majalah seperti itu," katanya.